



**LEMBAGA PEMBANGUNAN INDUSTRI PEMBINAAN
MALAYSIA**

**PEKELILING BIL. 1/2015
TINDAKAN TATATERTIB
SIJIL PEROLEHAN KERJA KERAJAAN**

**BAHAGIAN PENDAFTARAN KONTRAKTOR & LEVI
SEKTOR OPERASI**

1.0 TUJUAN

- 1.1 Memaklumkan kepada semua kontraktor yang berdaftar dibawah Akta 520 serta memegang Sijil Perolehan Kerja Kerajaan (SPKK) bahawa Lembaga Pembangunan Industri Pembinaan Malaysia (CIDB) telah diberi kuasa dibawah Pekeliling Perbendaharaan PK4/2014 untuk mengurus bagi pihak Kerajaan tindakan tatatertib ke atas kontraktor yang gagal mematuhi syarat tawaran atau syarat kontrak yang ditetapkan oleh Kementerian/Jabatan untuk projek-projek Kerajaan.
- 1.2 Memaklumkan kepada semua kontraktor yang berdaftar dibawah Akta 520 serta memegang SPKK bahawa tindakan tatatertib boleh diambil terhadap mereka sekiranya Kementerian/Jabatan melaporkan apa-apa pelanggaran syarat tawaran atau syarat kontrak.

2.0 OBJEKTIF

- 2.1 Untuk mengenakan tindakan keatas kontraktor yang melanggar syarat tawaran atau syarat kontrak yang ditetapkan oleh Kerajaan melalui Kementerian/Jabatan.
- 2.2 Untuk mewujudkan kontraktor yang berdisiplin dan seterusnya mampu bersaing dalam era globalisasi dan liberalisasi.

3.0 PERLAKSANAAN TINDAKAN TATATERTIB SPKK

- 3.1 Senarai pelanggaran dan tindakan berkaitan Tindakan Tatatertib SPKK yang ditetapkan oleh Kerajaan seperti di **Lampiran A**.
- 3.2 Prosidur Tindakan Tatatertib ini hanya terpakai ke atas kontraktor yang memegang **Sijil Perolehan Kerja Kerajaan (SPKK)** sahaja.
- 3.3 Tindakan gantung atau tarikbalik SPKK akan menyebabkan Sijil Taraf Bumiputera (STB) turut digantung atau ditarikbalik dengan sendirinya.
- 3.4 Tindakan gantung atau tarikbalik SPKK tidak akan menjelaskan status Perakuan Pendaftaran Kontraktor (PPK) melainkan jika tindakan tatatertib di ambil ke atas PPK.
- 3.5 Proses dan prosidur tindakan tatatertib SPKK akan diuruskan oleh Pejabat CIDB Negeri.
- 3.6 Sebarang pelepasan tindakan tatatertib hanya akan dipertimbangkan oleh Panel Pelepasan Tindakan Tatatertib.

4.0 KESAN TINDAKAN GANTUNG / TARIKBALIK SPKK KE ATAS KONTRAKTOR

- 1.1 Kontraktor tidak dibenarkan memasuki mana-mana tender / sebutuharga / kerja undi termasuk pra-kelayakan, rundingan terus serta tender terpilih yang dikeluarkan oleh pihak Kerajaan dalam tempoh penggantungan / tarikbalik. Walau bagaimanapun kontraktor boleh melaksanakan dan menyiapkan projek-projek sediada dengan memastikan Perakuan Pendaftaran Kontraktor masih sah.
- 1.2 Kegagalan kontraktor mematuhi perkara 4.1 boleh menyebabkan SPKK ditarikbalik dan ahli lembaga pengarah/pemilik syarikat disenarai hitamkan tanpa sebarang notis .


5.0 TARIKH KUATKUASA

Prosidur Tindakan Tatatertib SPKK ini dikuatkuasakan pada tarikh 1 Februari 2015.

6.0 PERTANYAAN

Sebarang kemosyikilan yang timbul dari pekeliling ini hendaklah dirujuk kepada:

Pengurus Besar/Pengurus Kanan
Bahagian Kontraktor & Levi
Lembaga Pembangunan Industri Pembinaan Malaysia
Tingkat 29, Menara Dato' Onn (PWTC),
No. 45, Jalan Tun Ismail,
50480 Kuala Lumpur.
Tel : 03-40477400 Fax : 03-4047 7410


(MEGAT KAMIL AZMI MEGAT RUS KAMARANI)

Pengurus Besar Kanan
Sektor Operasi
b.p Ketua Eksekutif
Lembaga Pembangunan Industri Pembinaan Malaysia

Lampiran A

Senarai Tindakan Atas Pelanggaran Syarat Tawaran dan Syarat Kontrak

Bil	Jenis Pelanggaran	Tindakan
1	Pemalsuan atau pindaan maklumat/dokumen bagi tujuan menyertai tender atau mendapat kontrak	Gantung Pendaftaran dua (2) tahun.
2	Menarik diri sebelum keputusan tender	Gantung Pendaftaran satu (1) tahun.
3	Menarik diri setelah kontrak ditawarkan	Gantung Pendaftaran dua (2) tahun.
4	Sub-kontrak tanpa persetujuan klien	Gantung Pendaftaran dua (2) tahun.
5	Gagal mematuhi obligasi kontrak (Non-Performance) i. Lewat ii. Tidak menepati spesifikasi.	Amaran
6	Penamatan kontrak bagi kerja yang dipanggil secara tender	Gantung Pendaftaran dua (2) tahun.
7	Penamatan kontrak bagi kerja yang dipanggil secara sebutharga & Requisition (kerja undi)	Gantung Pendaftaran 1 tahun
8	Kontraktor secara sengaja menyertai perolehan kerajaan dalam tempoh penggantungan	<p>a. Tarik Balik Pendaftaran SPKK, dan</p> <p>b. Lembaga Pengarah/Pemilik syarikat disenarai hitam bagi tempoh 3 tahun.</p> <p>Nota: Permohonan pendaftaran baru oleh Lembaga Pengarah/Pemilik syarikat hanya boleh dibuat/dipohon setelah tamat tempoh hukuman yang ditetapkan.</p>
9	Lain-lain kesalahan yang berkaitan dengan syarat tawaran dan syarat kontrak	Amaran

Nota:

- i. Tindakan bagi kesalahan di atas terpakai ke atas Sijil Perolehan Kerja Kerajaan (SPKK) sahaja.
- ii. Tindakan tatatertib yang diambil oleh Jawatankuasa Tindakan Tatatertib CIDB atas kesalahan seperti yang ditetapkan di dalam Akta 520 dan peraturan-peraturan di bawahnya akan menjaskan status SPKK sebagaimana keputusan yang dibuat ke atas PPK.